

# Aliran agama perlu seimbang teknologi

Saranan PM bagi pastikan pelajar tak ketinggalan dalam cabang ilmu

Oleh Mahani Ishak dan Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sistem pendidikan agama di negara ini perlu diseimbangkan dengan kemahiran teknologi dalam kalangan pelajar supaya ia tidak ketinggalan dalam cabang ilmu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pelajar aliran agama tidak boleh menyetepikan keperluan untuk menguasai teknologi dan pemikiran baharu berikutan dunia memerlukan perubahan.

"Justeru, pendidikan (agama) tidak boleh ketinggalan dan kembali ke landasan yang betul serta tidak hanya menumpukan satu bidang (tahfiz) termasuk menjadi huffaz tetapi meninggalkan teknologi.

"Dalam hal ini, perlu dipastikan terdapat keseimbangan menguasai ilmu asas namun di samping harus terus berusaha meneroka dan menguasai alam dan disiplin baharu.

"Ini kerana jika negara tidak menguasai teknologi dan kecanggihan, kita hanya akan menjadi penonton dan sebab itu ada ke-

perluan untuk menguasai kedua bidang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Lot 37856 Jalan Alam Sutera, Taman Alam Sutera Bukit Jalil di sini, semalam.

Kompleks baharu SMISTA bernilai RM70 juta dijangka siap 2028 akan memuatkan sehingga 576 pelajar, 130 guru berbanding kapasiti sedia ada iaitu hanya mampu menampung 363 pelajar dan 86 guru termasuk pengurusan sekolah.

SMISTA yang ditubuhkan pada 2011 sebelum ini beroperasi di bangunan kedai di Bandar Tun Razak, Cheras dan kemudiannya berpindah di premis bangunan di ruang parkir di Masjid Saidina Othman Ibnu Affan sehingga kini.

"Kita tidak mahu ada kecemerlangan, tetapi tiada nilai atau jiwa. Justeru, kita kena ambil langkah segera dan tidak mengulangi kesilapan lalu," katanya.

Beliau turut mengarahkan projek SMISTA dilaksanakan segera dan memberikan tempoh tujuh hari kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Mohd Na'im Mokhtar untuk menyediakan laporan mengenai perkembangan projek selain mahu proses tender dibuat dengan teliti.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan MADANI pada masa ini sedang berperang dengan rasuah dan penyelewengan.

"Orang membicarakan mengenai Islam, tapi (mereka) merompak hasil kekayaan negara kita hingga berbilion ringgit.

"Saya tidak mahu hal ini berlaku, mesti ada pengajaran, mustahil kita semak hampir tiap kontraktor, kerana ada sahaja ketirisan dana, negara mana boleh mampu maju kalau tiap kali ada tiris ratusan juta, berbilion ringgit," katanya.

## Pembabitian sektor swasta

Sementara itu, berucap di Invest Malaysia: Where Policy Meets Progress @ Iskandar Puteri, Johor, semalam Anwar berkata pembabitian sektor swasta dalam sistem pendidikan awam seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebelum ini boleh dilaksanakan dalam Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) yang sedang dan akan dimajukan di negara ini.

Katanya, hasil kerjasama sektor swasta termasuk syarikat konglomerat terkenal bersama kerajaan itu menunjukkan bagaimana ia dapat memenuhi keperluan masa hadapan negara.

"Jadi, saya lihat dengan TVET dan latihan teknikal AI, ia akan lebih efisien untuk ada kerjasama sektor swasta dan kerajaan berbanding program pendidikan yang biasa sahaja.

"Jadi, kita perlukan institusi perbankan, Khazanah, Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat konglomerat, bergabung dengan mereka (Fakulti AI) dalam membantu melahirkan tenaga kerja kompeten," katanya.